



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**TEKS ASPIRASI
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN
KOLEJ KOMUNITI
2023**

**YBRS. DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
KETUA PENGARAH
PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

TARIKH : 7 FEBRUARI 2023 (SELASA)

MASA : 9.00 PAGI

**TEMPAT : POLITEKNIK PREMIER UNGKU OMAR
IPOH, PERAK**

A. SALUTASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ...

Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad

S.A.W.

Terima kasih kepada saudara/ saudari Pengacara Majlis;

Yang saya hormati,

1. Barisan Pengurusan Tertinggi,

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti;

2. Pengarah-Pengarah,

Politeknik dan Kolej Komuniti;

3. Pegawai-Pegawai Kanan,

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti;

4. Timbalan-Timbalan Pengarah,

Politeknik dan Kolej Komuniti;

**5. Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang
saya kasihi sekalian.**

**“Graduan kualiti amanah kami, pensyarah kompeten ‘izzah
kami, POLYCC wadah kami, memacu destinasi Malaysia
Madani”**

B. PEMBUKA BICARA

Tuan-tuan, Puan-puan Warga POLYCC,

1. Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., atas keizinan dan limpah inayah-Nya, kita semua Warga POLYCC dapat bersama dalam majlis yang sangat penting ini, untuk saya berkongsi rencana 2023 dalam usaha merekaupayakan sektor pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).
2. Selamat datang kepada Warga POLYCC yang berada di Dewan Politeknik Ungku Omar (PUO) ini dan juga salam maya kepada semua yang berada secara dalam talian!
3. Tidak terlambat di kesempatan ini untuk saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2023 kepada seluruh Warga POLYCC.**

4. Tahun 2023, adalah lembaran baharu buat saya sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, dengan tekad dan azam untuk mencipta kegemilangan POLYCC biarpun dalam keadaan ketidaktentuan dan kelesuan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19 ini.

 5. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada bahagian-bahagian di jabatan, politeknik dan kolej komuniti, yang telah bertungkus lumus bersama-sama menggembang tenaga bagi menjayakan majlis yang amat bermakna ini.

 6. Komitmen, kesungguhan serta kerjasama yang dicurahkan amat saya hargai. Semangat kebersamaan seperti inilah yang menerbitkan kejayaan POLYCC sehingga ke detik ini.

Tuan-tuan, Puan-puan Warga POLYCC yang saya kasihi,

C. SEKALUNG PENGHARGAAN

7. Sesungguhnya “tiada hulu tiadalah parang, tiada dahulu manakan ada yang sekarang”.
8. Saya menzahirkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih atas khidmat bakti barisan **mantan pengurusan tertinggi di JPPKK** yang telah menamatkan perkhidmatan iaitu:
 - i. **YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad, Ketua Pengarah;**
 - ii. **YBrs. Dr. Zubaidah binti Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan);**
 - iii. **YBrs. Ts. Haji Mohd Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governan);** dan
 - iv. **YBrs. Encik Roslee bin Yahya, Pengarah Kanan (Kompetensi).**

9. Sepanjang tahun lalu, saya dimaklumkan seramai **sepuluh (10) orang** yang telah bersara di JPPKK, **seratus enam belas (116) orang** di politeknik dan **empat belas (14) orang** di kolej komuniti.

جَزَاكُمُ اللّٰهُ خَيْرًا

10. POLYCC pastinya amat merasa kehilangan dengan persaraan **seratus empat puluh (140) orang pada tahun 2022**. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh mereka pastinya telah mencorakkan spektrum kecemerlangan POLYCC.

D. BELASUNGKAWA

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

11. Sepanjang tahun lalu juga, seluruh Warga POLYCC menerima perkhabaran duka dengan kehilangan sebilangan warga yang kita kasihi sama ada sebagai rakan pensyarah, staf mahupun pelajar.

12. Belasungkawa buat seluruh ahli keluarga, saudara dan kenalan. Di antara rakan-rakan pengarah yang telah pergi meninggalkan kita ialah;
 - i. **Allahyarham Tuan Haji Mohd Faddillah bin Mohd Yusof, Pengarah Politeknik Sandakan Sabah;** dan
 - ii. **Allahyarham Encik Mohd Fizam bin Zainon, Pengarah Kolej Komuniti Padang Terap.**

13. Salam takziah kepada seluruh ahli keluarga Warga POLYCC yang telah kembali ke rahmatullah. Bertabahlah, bersabarlah dengan ujian Allah ini dan yakinlah Allah lebih menyayangi mereka.

14. Semoga Allah merahmati insan-insan terpilih ini dan marilah kita berdoa bersama agar roh mereka ditempatkan

dalam kalangan mereka yang beriman. Amin Ya Rabbal A'lamin.

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian.

E. PENCAPAIAN

15. Kini, **POLYCC berdiri dengan kekuatan 36 buah politeknik, 105 kolej komuniti, 10,211 orang staf dan 98,045 orang pelajar di seluruh negara.**
16. **POLYCC adalah penyumbang tenaga kerja teknikal terbesar negara iaitu sebanyak 40%. Ini merupakan kekuatan kita!**
17. Saya yakin, apa yang kita kecapi dan nikmati hari ini merupakan satu pencapaian yang mengagumkan!

18. Kita patut berbangga **POLYCC berjaya melepas kadar kebolehpasaran 90% sepanjang tiga (3) tahun berturut-turut.**
19. Tahun 2022 yang lalu, kadar **kebolehpasaran graduan politeknik** mencatat peratusan **95.32%**, manakala di **kolej komuniti** pula menunjukkan peratusan sebanyak **96.66%**.
TAHNIAH KEPADA WARGA POLYCC!
20. Dalam ketidaktentuan ekonomi kini, kita sedar betapa pentingnya negara menjamin pekerjaan dan mengurangkan masalah pengangguran, terutama dalam kalangan graduan yang berasa terpinggir daripada arus perdana kegiatan sosioekonomi negara.
21. Menerusi program **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** ***Career Advancement Programme (CAP)*** di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau **PENJANA-KPT CAP**. Alhamdulillah seramai **1,791** pelajar kita

mengikuti program ini dan hasilnya 99.1% daripadanya telah mendapat pekerjaan.

22. Kita juga telah melatih seramai **40,380 orang pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan semasa dalam pengajian** dan lebih **7,000** daripada mereka telah berjaya menjadi usahawan.
23. Kita juga berjaya melahirkan ramai alumni yang bekerja dalam bidang profesional yang diiktiraf oleh industri serta sukses dalam perniagaan.
24. Semuanya kerana keringat dan usaha semua pihak untuk mencapai kejayaan ini. **SYABAS DAN TAHNIAH SEMUA!**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

25. POLYCC dan industri berpisah tiada. **Terkini, sebanyak 14,475 buah industri yang berkolaborasi aktif dengan POLYCC.**

26. Sepanjang tahun 2022, **industri** telah **menyumbang sebanyak RM2.2 juta** kepada institusi kita. Sumbangan ini dibuat dalam pelbagai bentuk sama ada sebagai wang tunai, zakat, tajaan pengajian, pemberian peralatan dan latihan.
27. Saya perlu memberi kredit kepada **Kolej Komuniti Selayang** kerana telah dapat mengumpul **sumbangan terbanyak** daripada industri iaitu menghampiri **RM600,000**.
28. Saya yakin dan percaya seluruh Warga POLYCC telah menggembungkan tenaga dan menggandakan usaha dalam memastikan kerjasama erat dengan industri terus terjalin. Kalian semua wajar dihargai!
29. **DNA kolej komuniti ialah membangunkan komuniti.** Maka, hubungan dengan masyarakat dan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) akan terus diperkasa.

30. Penyertaan PSH kolej komuniti mencatat pencapaian **160.85%** iaitu **281,484** penyertaan di mana ia melebihi daripada sasaran iaitu sebanyak **175,000** penyertaan pada tahun lepas.
31. Semoga kita dapat melahirkan lebih ramai lagi peserta seperti **Puan Haslinda** dan **Puan Norita** kerana mereka telah berjaya **meningkatkan pendapatan** mencecah hampir **RM10,000.00 sebulan**.
32. Usaha mereka menyertai PSH bagi program andaman dan jahitan di Kolej Komuniti Shah Alam dan Kolej Komuniti Paya Besar telah membawa hasil.
33. Ini membuktikan peranan kolej komuniti untuk memahirkan masyarakat mencapai aspirasi negara. **Sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah buat semua Warga POLYCC yang hebat. Alhamdulillah!**

ASPIRASI KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI TAHUN 2023

Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

34. “**POLYCC Pemacu Negara Madani**” adalah tema **horizon baharu ke arah mentransformasi POLYCC agar menjadi lebih mandiri, kalis cabaran masa hadapan serta mempunyai kebolehsaingan yang tinggi.**
35. Tema pada kali ini adalah inspirasi daripada dasar peringkat nasional yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri kita iaitu “**Membangun Malaysia Madani**”.

F. PRINSIP 3K

36. Dengan berpaksikan falsafah negara madani ini, **Prinsip 3K - Kebajikan, Keharmonian dan Keberkatan** dijadikan

asas prinsip bekerja yang baharu untuk menunjangi peralihan pengurusan yang mampan.

37. Justeru, dengan semangat tahun baharu dan inspirasi ke arah pembentukan masyarakat madani, saya ingin membawa **aspirasi baharu kepada semua Warga POLYCC**.
38. Islah ini saya dahulukan dengan **Prinsip Kebajikan**.
39. Ketahuilah bahawa politeknik telah bertapak lebih daripada setengah abad dan kolej komuniti melangkau dua (2) dekad.
40. Namun begitu, POLYCC masih belum mempunyai satu medium khusus untuk menguruskan hal ehwal kebajikan seluruh warganya.

41. Saban hari kita mendapat berita musibah yang menimpa Warga POLYCC seperti kematian, kemalangan, diuji dengan penyakit kritikal, banjir dan kebakaran.
 42. Isunya apakah usaha yang telah dibuat untuk menyantuni mereka? Cukupkah hanya dengan lafaz إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ dan salam takziah sahaja?
 43. Sekarang, apabila mendapat berita musibah ini, tindakan yang diambil adalah bersifat *ad-hoc* dan *one-off* sahaja dengan merayu dan menagih ihsan seluruh Warga POLYCC untuk menderma. Isunya sampai bila?
- Saudaraku yang dikasihi sekalian,
44. Justeru, **saya mencadangkan agar ditubuhkan Yayasan Kebajikan POLYCC** yang berdiri sendiri bagi membela nasib ummah dalam kalangan Warga POLYCC ini.

45. Prinsip kedua adalah **Keharmonian**. **Keharmonian dan perpaduan** dalam kalangan warga adalah elemen penting dalam memastikan kegemilangan POLYCC.
46. Keharmonian boleh diterjemahkan melalui “**hubungan baik sesama manusia dan dengan makhluk serta seterusnya hubungan manusia dengan pencipta**”. Petikan ayat ini adalah yang paling mudah untuk menggambarkan prinsip ini.
47. Harmoni dalam mengimbangi kepentingan organisasi dan kepentingan peribadi, menyantuni dan meraikan kepelbagaian, musyawarah dalam membuat keputusan.
48. Elak dan hindarkanlah diri daripada sifat-sifat keji dan terkutuk seperti pertelingkahan sesama sendiri, hasad dengki, mengadu domba dan menabur fitnah.
49. Suasana kerja yang harmoni pastinya menghasilkan aura yang sihat mengelak kelemahan fizikal dan mental.

50. Prestasi diri dapat melonjak dan mengangkat kecemerlangan organisasi dalam usaha memacu negara madani.
51. **Bekerjasama dengan pemain TVET negara daripada Kementerian dan agensi lain** juga merupakan fokus utama POLYCC, demi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara. Di antara sebelas (11) Kementerian utama TVET negara termasuklah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
52. Keharmonian dan kerjasama di antara Kementerian penyedia TVET ini terbukti melalui penganjuran pertama Minggu TVET Negara pada tahun 2022.
53. Maka, kerjasama erat bersama Kementerian dan agensi penyedia TVET wajar untuk terus diperkasakan! Natijahnya pada suatu hari nanti kita akan melihat TVET negara akan menjadi lebih harmoni memenuhi aspirasi negara madani.

Warga POLYCC yang saya hormati,

54. **Keberkatan merupakan prinsip penting ketiga** yang ingin saya budayakan dalam kalangan Warga POLYCC.
55. Hakikatnya, **budaya positif dan cara kerja berintegriti** membawa **keberkatan dalam keseluruhan kehidupan**. **Rasulullah S.A.W bersabda maksudnya**: “**Bangunlah pada pagi hari untuk mencari rezeki dan keperluan-keperluan hidupmu. Sesungguhnya pada pagi hari terdapat barakah dan keberuntungan**” (**Riwayat at-Tabrani**).
56. Semoga bingkisan video inspirasi yang saya kongsikan selepas ini membangkitkan kesedaran perihal pentingnya nilai keberkatan dalam kehidupan. Ia tidak dapat dilihat, namun kesannya boleh dirasa. Hayatilah!
(Tayangan video)

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

57. Pekerjaan adalah ladang ibadah dan kebaikan. Marilah kita bersama-sama meraih keberkatan dengan amalan baik. Justeru, saya amat menggalakkan pengajuran aktiviti-aktiviti keagamaan.
58. Program keagamaan seperti sambutan Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Awal Muharam dan Ihya' Ramadhan perlu ditambah dalam takwim aktiviti POLYCC.
59. Rutin yang menjemput barakah adalah amalan dan aktiviti seperti kuliah, usrah, tazkirah, membaca al-Quran atau bacaan Surah Yaasin dan doa perlu dibudayakan pengamalannya untuk mengislah hati dan jiwa!

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dihormati sekalian,

G. RANTAIAN KE HADAPAN

60. Kita perlu bingkas bertindak tanpa berlengah, memaksimakan usaha untuk merealisasikan azam KPT yang baharu ini. Usaha dan strategi perlu digerak segera, supaya keberkesanan penyampaian dan mutu perkhidmatan mencapai tahap yang maksima.
61. TVET merupakan agenda nasional yang perlu ditadbir dan tanggungjawab itu perlu digalas dengan penuh komited dan berintegriti oleh kita semua Warga POLYCC.
62. Saya menyedari bahawa, menjadi tanggungjawab besar untuk memposisikan POLYCC sebagai penyedia TVET utama negara.
63. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Tuan-tuan dan Puan-puan untuk sama-sama berganding bahu dengan saya bagi memastikan misi ini tercapai.

64. Kita perlu membina profil POLYCC agar menjadi ukiran jenama TVET berprestij dan matlamatnya direalisasi bersama.
65. Ekosistem TVET nasional perlu ditambah baik 360 darjah dan dilestari dengan tuntas dan mantap untuk menjadikan POLYCC sebagai hub pendidikan bersifat kemahiran dan pendidikan untuk semua “*Education For All*”.
66. Ini bagi memastikan semua rakyat di setiap pelosok wilayah menikmati peluang untuk mendapatkan kemahiran di institusi TVET.
67. Usaha ini akan dapat merubah masa depan negara ke arah yang lebih maju.
68. Semua aspek yang melibatkan tadbir urus, pengurusan kewangan, pengoperasian dan pemantauan perlu diperkemas dan ditambahbaik dengan drastik.

G1. Merombak Ekosistem TVET

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

69. Perutusan Tahun Baharu 2023 oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi pada 30 Januari 2023 telah menyenaraikan **sebelas (11) azam baharu** yang bertemakan “**Pendidikan Tinggi: Harapan dan Masa Depan**” telah mengubah landskap pendidikan tinggi termasuklah ekosistem TVET negara.

70. Prakarsa (inisiatif) ini merupakan **reformasi baharu kerajaan yang perlu didukung dan diterjemah dalam pelbagai aspek**.

71. Dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi juga turut membangkit azam beliau iaitu untuk merombak ekosistem TVET nasional.

72. Kita menyambut baik dan menyokong sepenuhnya azam ini, justeru saya mencadangkan **penstrukturran semula organisasi secara holistik yang merangkumi tadbir urus di peringkat jabatan, politeknik dan kolej komuniti.**
73. Penstrukturran ini adalah untuk mewujudkan **tadbir urus yang lebih cekap dan efisien serta lestari.**
74. **Sudah sampai masanya struktur organisasi POLYCC dan fungsi JPPKK diperkasakan!**
75. Bagi meransang pembangunan TVET negara setara dengan negara-negara maju seperti Singapura, Austria, Belgium dan Korea, maka **penawaran program Ijazah di Politeknik Premier akan diperluaskan** dengan pendekatan paradigma baharu dalam pendidikan dan latihan selari dengan perkembangan pendidikan TVET luar negara.

76. Menelusuri hasrat ini, saya turut berhasrat untuk memposisikan politeknik dan kolej komuniti kepada satu tahap yang setaraf dengan institusi TVET antarabangsa.
77. Beberapa buah politeknik dan kolej komuniti wajar dinaikkan tarafnya.
78. Justeru, inisiatif ke arah mewujudkan politeknik dan kolej komuniti berprestasi tinggi yang setaraf dengan universiti wajar diusahakan.
79. ***Model Applied University*** di Austria dan Singapura akan menjadi penanda aras dalam pembangunan institusi ini.
80. Suka juga saya mencadangkan agar **laluan kerjaya dan kenaikan pangkat kepada semua Warga POLYCC** akan dilihat semula dan ditambahbaik sesuai dengan kerelevanan dasar semasa seperti **jawatan pensyarah dinaikkan ke gred tertinggi**.

81. Usaha ini adalah bagi mengiktiraf kepakaran para pensyarah yang banyak menyumbang kepada pembangunan institusi serta melahirkan bakat yang menjadi pemangkin tenaga kerja dalam bidang TVET.

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

G2. Pemerbadanan *Industry Education Centre (IEC)*

82. Setelah lebih separuh abad pengoperasian JPPKK, kita masih dibelenggu dengan **isu pengurusan kewangan** yang mengekang POLYCC daripada memaksimakan usaha meneroka inisiatif yang melibatkan kewangan seperti menyediakan khidmat perunding dan pengkomersialan.

83. Justeru **saya mencadangkan penubuhan institusi yang lebih berautonomi bagi membolehkan pengurusan kewangan yang lebih fleksibel.**
84. Contohnya melalui **Pemerbadanan Industry Education Centre (IEC)**.
85. Langkah pemerbadanan ini adalah sangat penting untuk kita berlari ke hadapan selepas *track record* kita membuktikan bahawa COT kita mampu menjana pendapatan yang lumayan.
86. Sebagai contoh sehingga kini, **Politeknik Metro Tasek Gelugor berjaya mengutip RM1.6 juta. Tahniah diucapkan!**

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian

G3. *Industry on Campus* (IOC)

87. Saya juga mencadangkan agar ***Industry on Campus* (IOC) diperkasakan dan ditambah bilangannya** selaras dengan hasrat YB Menteri Pendidikan Tinggi supaya setiap POLYCC mempunyai beberapa industri yang membantu kita dalam pelbagai aspek.
88. Melalui penubuhan IOC, persekitaran sebenar industri (*the real work of world*) dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dapat diterapkan.
89. Sayugia, saya mahukan lebih banyak lagi pusat industri-akademia seperti **TRC Edu Centre (Trans Resources Corporation Sdn. Bhd.)** di Politeknik Ungku Omar (PUO) dan **Sazmed CAE Trading** di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

90. Kewujudan dua (2) entiti berkenaan saling melengkapi atau lebih tepat “*Industry and Academia Are One*”.
91. Prakarsa ini juga akan menjadi katalis penyepadan dan spesifikasi kerja dan kemahiran yang diperlukan industri.

G4. Pendigitalan

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

92. Jika diperhatikan senario peringkat global, landskap pendidikan tinggi telah banyak berubah khususnya melalui kemajuan teknologi dan pendigitalan.
93. Apa yang berlaku pada masa kini adalah “*technology is everywhere*”. Adakah ekosistem pendidikan TVET kita bersedia dengan perubahan teknologi dan era digitalisasi ini?

94. Oleh itu, dalam memastikan institusi sentiasa bersedia dengan ledakan teknologi terkini dan dunia digitalisasi, **JPPKK telah menubuhkan Jawatankuasa TVET Digital.**
95. Jawatankuasa ini akan melihat dan mencari solusi ke atas isu-isu pendigitalan kini dan mendatang antaranya keperluan pendigitalan dalam kurikulum, meningkatkan kemahiran pensyarah melalui Program *Industry 4WRD*, meneroka teknologi dan peluang baharu bersama agensi kerajaan atau industri.
96. Kita berbangga kerana telah terpilih sebagai agensi Kerajaan yang pertama yang mempunyai **Cloud Centre** hasil **kerjasama antara JPPKK-MAMPU.**
97. Melalui platform ini, kita akan membangunkan data berpusat berkonsepkan data raya di samping meningkatkan bahan digital dan keberkesanan pembelajaran secara digital.

98. Selain itu, kaedah pembelajaran berteknologi tinggi seperti *Augmented Reality* (AR), *Virtual Reality* (VR), *Artificial Intelligence* (AI) dan *data cloud computing* akan terokai dan diaplikasi dengan lebih meluas.
99. Saya yakin teknologi pendigitalan di bidang pendidikan ini akan terus berkembang maju selaras dengan pembangunan teknologi dunia masa kini.
100. Kemampuan politeknik sebagai sebuah pusat latihan serantau dan berteknologi tinggi (*hi-tech*) boleh diupayakan melalui penekanan bidang-bidang tertentu.
101. Sebagaimana kejayaan di Politeknik Banting (PBS) telah ada kepakaran dalam bidang penyenggaraan pesawat (*aircraft maintenance*), Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam bidang Kejuruteraan Marin, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dalam bidang *Autonomous Vehicle (AV)* dan

Kolej Komuniti Sabak Bernam dalam bidang *Building Information Management (BIM)*.

102. Oleh itu, **saya berhasrat untuk menjadikan politeknik terpilih dengan bidang pakar yang berteknologi tinggi menjadi pusat latihan serantau.**

103. Perkara ini kita akan perhalusi agar dapat dilaksanakan dengan jayanya.

G5. Pendidikan Untuk Semua

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

104. Rangkuman dan cakupan bidang pendidikan yang lebih luwes dan fleksibel harus menjadi tunjang kepada penyampaian program TVET di POLYCC.

105. Cabaran utama kita adalah untuk menarik golongan belia atau “*natives digital*” melengkapi diri mereka dengan ilmu dan kemahiran yang dapat memberi manfaat kepada kehidupan.

106. Oleh itu, bagi menangani cabaran ini, POLYCC akan menawarkan laluan pendidikan yang lebih fleksibel dan terbuka kepada pelbagai peringkat golongan komuniti.

107. Untuk itu, pensijilan **MQA secara bertahap dan *micro-credential*** akan diperkenalkan dalam sistem POLYCC.

108. Kita akan meningkatkan akses ke POLYCC yang lebih luas dalam kalangan calon pelajar yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tiada SPM atau kepada golongan rentan seperti ibu tunggal, B40, golongan minoriti, Orang Kurang Upaya (OKU) ataupun golongan bekerja.

109. Bagi menyokong hasrat meningkatkan jumlah tenaga kerja teknikal berkelayakan ijazah, maka kita akan meningkatkan bilangan kemasukan pelajar politeknik ke Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

110. Lulusan politeknik boleh mendapat pengecualian atau pemindahan kredit sehingga maksima 50% melalui artikulasi yang mana ini akan mempercepatkan tempoh memperolehi ijazah.

G6. Program Pengajian Berimpak Tinggi di POLYCC

Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

111. Saya amat berharap agar POLYCC dapat merealisasi hasrat dasar nasional dalam membentuk masyarakat madani dan bersedia dengan anjakan paradigma baharu.

112. Oleh itu, kita mahukan program-program pengajian yang berkualiti dan berimpak tinggi ditawarkan kepada para pelajar. Program pengajian berpacu industri (*industry driven programme*) seperti program ijazah sarjana muda *work-based learning (WBL)* perlu diperbanyakkan.
113. Kesemua graduan yang dihasilkan adalah berkualiti dan berstatus *industry ready graduates* secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di industri.
114. Penjajaran semula program dan institusi juga menjadi agenda utama dalam memastikan kelestarian politeknik dan kolej komuniti dalam ekosistem TVET negara terus terjamin.
115. Penawaran program perlu dijajarkan dengan lebih sistematik dan relevan dengan keperluan industri semasa.

116. Justeru, saya ingin mencadangkan agar program pengajian di POLYCC perlu ditambah nilai dengan penganugerahan sijil-sijil profesional atau *dual certification* untuk meningkatkan daya saing pelajar dalam alam pekerjaan.
117. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) akan terus dipertingkat dengan penawaran program yang dapat menambah nilai kualiti hidup dan sosioekonomi masyarakat.
118. Antaranya program PSH berbentuk keusahawanan sosial, kemahiran digital yang merupakan bidang baharu dan banyak permintaan di pasaran semasa.
119. Bagi melahirkan **graduan berkualiti, holistik dan seimbang** selaras dengan **citra baharu Kerajaan Malaysia, maka program khusus seperti Techno Huffaz akan terus diperkasakan.**

120. Program Techno Huffaz di Politeknik Sultan Salahuddin

Abdul Aziz Shah (PSA) telah berjaya melahirkan graduan politeknik yang menghafaz 30 juzuk al-Quran.

121. Maka, saya mencadangkan program ini diperluas pelaksanaannya ke politeknik lain seperti Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Port Dickson (PPD), Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Politeknik Nilai (PNS).

122. Di samping itu, saya menyeru agar program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) juga wajar dikembangnilaikan!

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

G7. Menyantuni Mahasiswa POLYCC

123. Kita sedar pada masa ini semakin ramai yang menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dan sekaligus menyebabkan mereka terpaksa menanggung kos sara hidup yang tinggi.
124. Terdapat keluarga yang mungkin tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
125. Menyedari situasi ini, KPT dan POLYCC dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi berganding bahu untuk mencari **alternatif dalam membiaya dan memberikan bantuan pendidikan kepada bakal pelajar POLYCC.**
126. Kita amat berterima kasih kepada **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** yang menjadi **tunjang kepada sokongan kewangan pendidikan tinggi kepada ramai pelajar di peringkat nasional.**

127. Pelajar peringkat diploma dan ijazah di POLYCC berpeluang untuk menikmati kemudahan pinjaman ini sepanjang pengajian mereka.
128. Selain daripada pinjaman PTPTN, tajaan pembiayaan pendidikan turut disediakan kepada pelajar POLYCC. **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti atau BKPKK** menyediakan pembiayaan yuran dan wang saku **sebanyak RM300/ sebulan** untuk tempoh tiga (3) semester.
129. **Program Dermasiswa B40 TVET** merupakan inisiatif baharu KPT yang telah dilancarkan pada tahun 2022.
130. Melalui pembiayaan ini, **yuran pelajar terpilih akan ditaja sepenuhnya oleh KPT beserta Elaun Wang Saku sebanyak RM630/ sebulan bagi peringkat diploma dan RM700/ sebulan pelajar peringkat ijazah.**

131. KPT juga menyediakan inisiatif Biasiswa YB Menteri Pendidikan Tinggi khusus kepada Pelajar Cemerlang Politeknik (PCP) peringkat diploma yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sepenuh masa ke universiti awam.
132. Pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) turut bekerjasama dengan POLYCC untuk membiayai pendidikan pelajar yang kurang berkemampuan.
133. Antara program pembiayaan yang terdapat di POLYCC adalah Dermasiswa Yayasan *Sime Darby (YSD) Skill Enrichment Programme*, agensi peringkat negeri, jabatan-jabatan agama dan pelbagai pusat keagamaan bukan Islam yang lain.
134. Sedarkan Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC, secara tidak langsung anda semua adalah ejen informasi kepada masyarakat.

135. Sebarluaskanlah semua maklumat pembiayaan ini kepada komuniti dan para pelajar agar kita dapat menggalakkan lebih ramai menyertai program TVET.

136. Bantulah masyarakat kita di luar sana yang juga pada akhirnya menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

G8. Pengukuhan Dasar Pengantarabangsaan

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

137. POLYCC merupakan penyedia TVET utama negara.

138. Adakah kita selesa hanya menjadi jaguh di tempat sendiri?

Saya yakin semua Warga POLYCC telah bersedia untuk pergi lebih jauh lagi dan melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa.

139. Kita harus sasarkan pada masa hadapan, POLYCC mampu menjadi **pusat rujukan TVET serantau dan menyediakan graduan berciri global.**

140. Melalui inisiatif ini, saya berharap **POLYCC mampu menjadi penyedia TVET bertaraf antarabangsa** melalui program seperti seminar, persidangan, penyelidikan, mobiliti pensyarah dan pelajar ke negara maju antaranya Korea, Jepun dan Timur Tengah.

141. Maka, Dasar Pengantarabangsaan POLYCC perlu diperkuuh!

G9. Imej dan Penjenamaan POLYCC

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

142. Imej dan keterlihatan POLYCC merupakan elemen penting dalam menerapkan imej positif bidang TVET kepada masyarakat.

143. Bidang TVET bukan lagi pilihan kedua, tetapi bergerak seiring dengan program arus perdana Institut Pengajian Tinggi (IPT).

144. Justeru, satu (1) **Pelan Media** untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET dan menjadikan TVET sebagai pilihan utama perlu dibangunkan.

145. Di samping itu, penjenamaan POLYCC akan diperkuuh melalui satu logo, satu slogan dan satu lagu.

146. Saya ingin memperkenalkan **Anugerah Kecemerlangan POLYCC** yang julung-julung kali diadakan pada tahun ini.

147. Tahniah dan syabas kepada 31 penerima yang berjaya meraih anugerah ini.

148. Diharapkan anugerah ini memberi inspirasi dan motivasi kepada seluruh Warga POLYCC.

H. PENUTUP BICARA

Warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

149. Anjakan dimensi baharu yang bakal direncanakan ini, saya akui ia bukanlah semudah saya menyebutnya. Sudah pasti ada halangan dan cabaran yang bakal ditempuh dan dirungkaikan bersama.

150. Kita mesti bersatu hati melaksanakan amanah dan tanggungjawab dalam memperhebat agenda baharu jabatan dan institusi seterusnya mempersada kecemerlangan POLYCC sebagai peneraju TVET yang unggul.

151. Akhir kata, saya menyeru kepada seluruh Warga POLYCC untuk bersama-sama saya menggerak dan merealisasi aspirasi Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2023.
152. Semoga niat dan usaha murni kita dipermudah dan dilancarkan segala-galanya. Saya percaya “*We do the best, Allah will handle the rest*”.
153. Berdoalah agar impian kita akan dimakbulkan-Nya. Kita bakal melihat dan menikmati keberhasilannya. Insya-Allah.
154. Sebelum saya menutup tirai bicara pada hari ini, saya ingin mengungkapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada seluruh Warga POLYCC yang terus berjuang setiap saat untuk memartabatkan pendidikan tinggi khususnya bidang TVET di negara ini.

155. "Kita mungkin tidak dapat mencipta masa hadapan untuk generasi mendatang, namun kita boleh mempersiapkan generasi mendatang untuk masa hadapan".

156. Saya juga ingin memetik kata-kata tokoh pemimpin dunia iaitu Nelson Mandela, "Pendidikan adalah senjata paling kuat yang boleh anda gunakan untuk mengubah dunia".

157. Justeru, kepada para pelajar POLYCC, tuntutlah ilmu dengan bersungguh-sungguh supaya kalian beroleh kekayaan ilmu.

158. Buat para ibu-bapa, terima kasih kerana memberi kepercayaan penuh kepada POLYCC untuk mempersiapkan anak-anak Tuan-tuan dan Puan-puan dengan bekalan intelek demi masa depan keluarga.

159. Saya juga ingin menitipkan penghargaan kepada pemain industri (*industry player*) yang sentiasa menyambut baik

usaha POLYCC dalam menjalinkan kolaborasi strategik, kontribusi dan perkongsian pintar antara dunia akademik dan industri sebenar dalam usaha meningkatkan efisiensi POLYCC.

160. Tidak dilupakan juga, peranan wanita dalam TVET terutama PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK dan institusi yang sentiasa menyokong penuh inisiatif jabatan.
161. Terima kasih kepada semua pemegang taruh yang sama-sama menyokong visi dan misi politeknik dan kolej komuniti.
162. Padi segemal kepuk di hulu;
Sirih di hilir merekap junjungan;
Kepalang duduk membangun ilmu;
Pasir sebutir jadikan intan.

163. Saya akhiri ucapan aspirasi ini dengan **Pelancaran Lagu POLYCC** sebagai buah tangan tahun 2023. Semoga ia menyemarakkan lagi semangat keharmonian POLYCC.

164. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.